

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(VI)22**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB. JOSEPH NG SOON SIANG**

22. Apakah perancangan dari pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk membaiki ataupun menaik taraf parit/longkang dengan berperingkat di seluruh Negeri Pulau Pinang di mana kawasan infra ini di bawah seliaan JKR?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

22. Bagi kerja-kerja pembaikan dan menaiktaraf sistem saliran di Jalan Negeri, Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang telah memohon peruntukan sebanyak RM4,300,000.00 bagi tahun 2020 dari Kerajaan Negeri di bawah peruntukan Pembangunan P12. Kerja-kerja pembaikan atau menaiktaraf akan dilaksanakan dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

Manakala bagi Jalan Persekutuan, pihak JKR Pulau Pinang telah memohon peruntukan melalui Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Cawangan Senggara Fasiliti Jalan (CSFJ), Ibu Pejabat JKR Malaysia sebanyak RM4,983,000.00 bagi tahun 2020 berdasarkan Anggaran Penyelenggaraan Jalan (APJ). Sehingga kini, peruntukan yang diluluskan adalah sebanyak RM356,000.00.